

# Projek MITEC akan diserahkan kepada Matrade Disember ini

**KUALA LUMPUR** – Naza TTDI Sdn. Bhd. (Naza TTDI) dijangka menyerahkan projek Pusat Pameran dan Dagangan Antara-bangsa Malaysia (MITEC) kepada Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menjelang akhir bulan Disember ini.

Ini kerana syarikat itu telah menerima perakuan siap dan pematuhan (CCC) daripada Pertubuhan Arkitek Malaysia.

Pengarah Eksekutif Naza TTDI, Idzham Mohd. Hashim berkata, MITEC merupakan komponen pertama di dalam pembangunan KL Metropolis.

Projek tersebut berkeluasan 5.3 hektar daripada keseluruhan projek KL Metropolis yang berukuran 30.55 hektar di Jalan Duta di sini.

“Penerimaan CCC ini sekali gus membuktikan komitmen syarikat kepada kerajaan dalam melengkapkan sebuah mercu tanda di Kuala Lumpur selain ia merupakan projek yang menjadi kebanggaan Naza TTDI.

“Ini merupakan satu lagi kejayaan buat kami dan berharap melalui pengalaman serta kepakaran yang terhasil dalam pembinaan pembangunan berstruktur unik ini, ia akan dapat meneruskan langkah dalam projek lebih mencabar pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sesi lawatan ke bangunan MITEC di sini semalam.

Majlis pecah tanah MITEC telah berlangsung pada Februari

2013 lalu manakala, perjanjian penswastaan adalah pada November 2009 di antara kerajaan, Tanah dan Harta Sdn. Bhd. serta Naza TTDI.

Menurut Idzham, sebagai destinasi mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran, MITEC yang terdiri daripada bangunan tiga tingkat itu turut dilengkapi dengan 11 dewan pameran, 10 bilik rehat dan tiga pusat media.

“MITEC mampu menampung kapasiti yang besar dan keupayaan dengan keluasan ruangan pameran 92,903 meter persegi,” ujarinya.

“MITEC merupakan titik permulaan perkembangan negara dalam industri perdagangan dan pameran di masa hadapan,” ujarinya.



IDZHAM (kiri) dan Pengarah Projek Naza TTDI, Khoo Thian Shyang menunjukkan isyarat bagus di hadapan bangunan MITEC di Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.